

Isu air di Selangor bukan berpunca dari NS

Siasatan JAS mendapati tiada pencemaran di Sungai Buah seperti didakwa

■ SYAMILAH ZULKIFLI

SEREMBAN - Negeri Sembilan mengesahkan tidak ada unsur pencemaran air yang berlaku di Sungai Buah, Nilai seperti didakwa Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Sekali gus, ia menunjukkan pencemaran sungai sehingga menyebabkan loji rawatan air (LRA) Sungai Semenyih terpaksa ditutup sehingga menjejaskan penduduk di Selangor, bukan berpunca dari Negeri Sembilan seperti didakwa.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, ia berdasarkan laporan teknikal hasil pemeriksaan Jabatan

Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan, Badan Kawal Selia Air negeri dan Majlis Perbandaran Nilai (MPN).

"Beliau (Azmin) ada hubungi saya beritahu ada pencemaran air di Negeri Sembilan. Saya kata, saya akan periksa kerana saya bukan orang teknikal nak sahkan perkara itu.

"(Sekarang) laporan teknikal telah keluar dan menyatakan tiada pencemaran. Cuma kita dapat maklumat ada lori tangki terbalik dan siasatan mengennainya akan



MOHAMAD

dibuat," katanya.

Sehubungan itu, Mohamad meminta Azmin tidak membuat tuduhan melulu tanpa usul periksa termasuk kononnya pencemaran berlaku disebabkan terdapat unsur sabotaj.

"J a n g a n teruskan hujah cakap macam-macam. Letakkan keutamaan kepada kesejahteraan rakyat berbanding politik.

"Saya cadang pihak berkenaan selesai cara macam itu berbanding mendakwa ada pencemaran ber-

laku disebabkan sabotaj.

"Sebagai pemimpin kita selesaikan masalah, bukannya cuba nak cari pengaruh. Saya pun tak berminat nak berbalas pantun dengan Azmin atau sesiapa. Yang saya nak buat adalah mencari punca masalah itu berlaku dan selesaikan sebaik mungkin," katanya.

Sebelum ini, Kerajaan Selangor mendakwa punca pencemaran air sungai sehingga menyebabkan LRA Sungai Semenyih ditutup bukan dari Selangor, sebaliknya di hulu Sungai Buah yang terletak di Negeri Sembilan.

Azmin sebelum itu turut mendakwa masalah pencemaran itu berlaku disebabkan sabotaj oleh pihak tertentu.